



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- |                           |    |
|---------------------------|----|
| - MPAJ naikkan caj parkir | 31 |
|---------------------------|----|

**Sinar Harian**

- |                               |    |
|-------------------------------|----|
| - Bantah projek lot perumahan | 40 |
|-------------------------------|----|

**KOSMO**

- |                                 |    |
|---------------------------------|----|
| - Whatsapp (ISU & HAK PENGGUNA) | 20 |
|---------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
03 APRIL 2017 (ISNIN)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	MPAJ naikkan caj parkir
Muka Surat	31

KAWASAN parkir yang semakin padat di kawasan Ampang Jaya, Selangor menyukarkan pengguna mencari petak kosong. - GAMBAR HIASAN

SIKAP segelintir pihak tidak bertanggungjawab meletakkan kon di petak parkir menyusahkan pengguna lain di kawasan Ampang Jaya, Selangor.

# MPAJ naikkan caj parkir?

Oleh FAUZI SUHAIMI  
kota@utusangroup.com.my

■ AMPANG JAYA 2 APRIL

**M**AJLIS Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berkenan mungkin akan menaikkan kadar caj parkir di kawasan pentadbirannya sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan tempat letak kenderaan.

Yang Dipertua, Abd. Hamid Hussain berkata, bagaimanapun perkara itu sebagai langkah terakhir sekiranya dilaksanakan bagi mengelakkan sesetengah pihak memonopoli setiap petak yang disediakan.

Menurutnya, ia tidak akan di-

laksanakan dalam waktu terdekat kerana masih belum ada sebarang perbincangan.

“Di mana-mana tempat saya percaya turut mengalami masalah sama dan untuk mengelakkan ia terjadi, pengguna boleh membuat pilihan menggunakan pengangkutan awam atau pergi pada bukan waktu puncak.

“Kita akui tidak dapat menjalankan penyediaan tempat letak kenderaan yang mencukupi di semua kawasan terutama pusat komersial,” katanya dalam sidang akbar program Jamboree Berbasikal Cabaran Bukit Ampang dan Larian MPAJ 2017 sempena sambutan Jubli Perak ke-25 tahun baru-baru ini.

UM  
3/4/17  
M 21

KERATAN Utusan  
Malaysia 31 Mac 2017.

Beliau mengulas laporan Skuad Terjah Jumaat lalu berhubung kekurangan petak tempat letak kenderaan di kawasan sekitar Ampang Jaya khususnya pusat komersial menyukarkan pengguna sekali gus beban saman dan sikap tidak bertanggungjawab penguasa yang cuba mengambil kesempatan meminta kompaun bayaran tanpa mengeluarkan resit.

Dalam pada itu, Abd. Hamid berkata, pihak MPAJ sedang berusaha menambah jumlah petak tempat letak kenderaan di beberapa lokasi bersesuaian.

“MPAJ mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk menyediakan inisiatif tersebut kepada orang ramai,” ujarnya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR**

KERATAN AKHBAR  
03 APRIL 2017 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bantah projek lot perumahan
Muka Surat	40

# **Bantah projek lot perumahan**

Penduduk Lembah Jaya mahu Taman Rimba Ampang kekal jadi taman rekreasi

SH 3/4/17  
MS 40

**AMPANG** - Penduduk Lembah Jaya membantah projek lot perumahan di tanah seluas empat ekar (1.6 hektar) di sekitar Taman Rimba Ampang.

Pengerusi Persatuan Muafakat Lembah Jaya Utara, Nor Ashraf Mashal Khan berkata, penduduk muahu kawasan berkenaan dikekalkan sebagai taman rekreasi.

"Pihak berkenaan juga dipercaya turut membuang tanah di lokasi berkenaan tanpa kelulusan pihak berkuasa.

"Kita juga mempunyai bukti foto tindakan mereka itu. Mereka juga kini giat menebang pokok di tanah berkenaan."

"Kami penduduk kampung akan bersetuju dan menyokong tindakan mencantikkan lagi Taman Rimba Ampang," katanya.

Nor Ashraf berkata, pihaknya juga telah memaklumkan kepada Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz berhubung isu yang dibangkitkan penduduk itu.

"Kita telah hantar surat aduan berserta gambar kepada beliau dan



Penduduk Lembah Jaya membantah projek lot perumahan di tanah seluas 1.6 hektar di sekitar Taman Rimba Ampang

diharap beliau dapat ambil tindakan demi kesejahteraan penduduk," katanya.

Sementara itu, Khasim berkata, pihaknya sedia maklum berhubung itu tersebut.

"Tanah itu berada bersebelahan dengan tanah yang ada geran

han dengan tanah yang ada geran,

dapat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat.

"Saya dimaklumkan sudah ada permohonan untuk tanah ini, nanti dia bukti dia memiliki tanah

mun dia belum memiliki tanah tersebut.

"Tanah kerajaan ni tak boleh di-  
ceroboh sebegitu kerana ia perlu da-  
pat kebenaran merancang.  
"Saya juga dimaklumkan Majlis

Perbandaran Ampang Jaya (MPA) dan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat telah turun ke lokasi untuk

"Langat telah turun ke lokasi untuk menyiasat," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Whatsapp (ISU & HAK PENGGUNA)
Muka Surat	20

MS 20 KOSMO 3/4/17  
■ MINTA pihak berwajib membaiki lampu  
isyarat di bulatan Kampung Pandan,  
Kuala Lumpur dengan segera bagi  
mengelakkan kesesakan lalu lintas yang  
teruk terutamanya pada waktu puncak.  
>GERAM